

14 JUN 2001

KDNK-NAIK

NEGARA SASAR KDNK NAIK 5 ATAU 6 PERATUS

KUALA TERENGGANU, 14 Jun (Bernama) -- Malaysia menjangkakan kemelut ekonomi Amerika Syarikat (AS) akan pulih pada suku ketiga tahun ini yang mungkin mendorong dan membantu negara meningkatkan Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) sebanyak lima atau enam peratus.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata jangkaan pihaknya mengenai perkara itu dinilai berdasarkan tindakan Rizab Persekutuan AS mengurangkan kadar faedah sebanyak 5 kali sepanjang tahun ini bagi meminimumkan ancaman kemelesetan negara itu dan global.

Beliau berkata tindakan kerajaan juga diramalkan turut menyumbang kepada kenaikan KDNK negara dengan dasar-dasar berjanga-jaga bagi menangani kelembapan ekonomi AS antaranya ialah membelanjakan wang untuk projek-projek bernilai RM3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

"Kita menjangka Amerika Syarikat dalam suku ketiga akan pulih, yang bermakna kejatuhan perlahan (soft landing), sekarang ini ia menurunkan kadar faedah dan kita harap KDNK kita akan mencapai lima hingga enam peratus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian sumbangan program pembiayaan wang ihsan di Sekolah Menengah Tengku Mizan Zainal Abidin hari ini yang bernilai RM280,625 dalam bentuk pakaian seragam dan basikal kepada 3,244 pelajar sekolah rendah dan menengah.

Dr Shafie mengulas mengenai laporan Perbadanan Produktiviti Negara dalam laporan produktiviti 2000 yang meramalkan ekonomi negara mencapai pertumbuhan rendah 4.6 peratus tahun ini daripada 6.1 peratus tahun lalu.

Dr Shafie berkata selain itu, pengguna disarankan untuk mengiatkan jual beli bagi meningkatkan kegiatan ekonomi domestik agar aliran tunai bertukar tangan di dalam negara.

"Contohnya, kita guna wang untuk beli goreng pisang, orang tu dapat berniaga, pisang tu dapat dibeli daripada orang kampung, minyak dapat dibeli dan sebagainya, jadi dengan cara itu duit akan bertukar tangan," katanya.

Beliau berkata antara tindakan lain ialah pendedahan ke atas Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah perlu untuk membantu peningkatan ekonomi negara dengan memajukan industri berkenaan bagi memperhebatkan lagi produktiviti.

Katanya faktor-faktor dalaman seperti produktiviti dan kecekapan dalam memangkin ekonomi negara merupakan faktor penting yang perlu dimajukan.

KDNK mencatat pertumbuhan 3.2 peratus untuk suku pertama tahun 2001 iaitu satu kemerosotan drastik berbanding dengan 6.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. -- BERNAMA

MRA OS